

Fungsi lelaki lindungi wanita, bukan mendera

Pada 25 November hingga 10 Disember setiap tahun masyarakat dunia menyambut, Hari Antarabangsa Bagi Meningkatkan Kesedaran Serta Menangani Keganasan Terhadap Kaum Wanita. Ia bagi meningkatkan kesedaran terhadap isu keganasan terhadap wanita di serata dunia seperti jenayah rogol, gangguan seksual, penderaan fizikal ataupun emosi dalam rumah tangga dan lain-lain lagi.

Berdasarkan petikan daripada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki Moon, keganasan terhadap wanita adalah pencabulan hak asasi manusia dan penghalang kepada kesaksamaan gender. "Hakikatnya, isu ini perlu ditangani bagi mewujudkan persekitaran yang selamat untuk wanita supaya mereka bebas daripada penganiayaan. Adalah penting untuk diketahui umum bahawa keganasan terhadap wanita meliputi semua aspek penganiayaan termasuk penderaan fizikal, emosi ataupun sosial."

Keganasan rumah tangga catat penurunan

Pada Oktober lalu, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mengeluarkan statistik menunjukkan kes keganasan rumah tangga di seluruh negara mencatatkan penurunan kepada 3,268 kes dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini ber-

Lelaki tidak harus guna kelebihan pada diri untuk dera wanita.

[GAMBAR HIASAN]



banding 4,123 kes dalam tempoh sama tahun lalu.

Penurunan kadar statistik ini disambut baik oleh semua pihak. Namun, perlu juga diingatkan bahawa tidak semua kes yang membabitkan keganasan dalam rumah tangga dilaporkan kepada pihak berkuasa. Masih ada kes di mana wanita tidak mahu buat aduan kerana berasa malu, campur tangan pihak ketiga menghalang mereka membuat aduan, kluatir akan menjejaskan keadaan emosi serta mengganggu proses pembelajaran anak apabila hal rumah tangga mereka diketahui umum.

Adalah menjadi harapan kita supaya kes berunsur keganasan terhadap wanita dapat dikurangkan ataupun dihapuskan terus. Pelbagai langkah boleh

diambil bagi membendung masalah keganasan terhadap wanita daripada berterusan. Namun langkah yang paling penting yang boleh diambil ialah dengan membabitkan kerjasama penuh lelaki dalam isu terbabit.

Lelaki lindungi wanita

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam sesebuah institusi perkahwinan, lelaki telah dijadikan sebagai ketua keluarga sesuai dengan fitrah kejadian lelaki yang lebih gagah dan beberapa kelebihan lain berbanding perempuan. Firman Allah SWT dalam al-Quran bermaksud: "Lelaki adalah pemimpin bagi perempuan oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (perempuan), dan kerana lelaki telah menafkahkan sebahagian daripada harta mereka."

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

sekali dilakukan sebarang kekerasan dalam rumah tangga. Agama Islam melebihikan suami pada kedudukan bukan bermakna berkuasa melakukan apa saja mengikut sesuka hati. Kuasa dan kekuatan dimiliki perlu digunakan untuk kebaikan, bukannya menimbulkan perkara buruk atau mengundang keganasan terhadap kaum wanita. Golongan lelaki juga boleh mainkan peranan dengan mengambil inisiatif sendiri bagi melindungi wanita termasuk melaporkan segera sebarang insiden keganasan kepada pihak berkuasa.

Galak lelaki perangi keganasan rumah tangga

Usaha yang diambil oleh beberapa badan bukan kerajaan (NGO) dalam negara kita dengan menggalakkan penyertaan kaum lelaki untuk memerangi isu keganasan terhadap kaum wanita seperti kempen larian "White Ribbon" yang dianjurkan oleh Persatuan Pergerakan Bertindak Wanita (AWAM) pada setiap sambutan 'Hari Antarabangsa Bagi Meningkatkan Kesedaran Serta Menangani Keganasan Terhadap Kaum Wanita' perlu dipuji kerana ia memberi ruang serta memberi kesedaran mendidik kaum lelaki menjadi pelindung wanita dalam erti kata sebenar.

Dr Muzaffar Syah Mallow,

Pensyarah Kanan,
Fakulti Syariah & Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia

(Surah an-Nisa, ayat 34).

Ajaran agama Islam itu sendiri telah menyaratkan supaya lelaki sentiasa menjadi pelindung dan berbuat baik terhadap perempuan. Sebagai pemimpin, lelaki dipertanggungjawabkan untuk sentiasa menjaga keselamatan, kebajikan dan menyediakan keperluan hidup untuk isteri serta anak mereka.

Jadi, amatlah malang jika lelaki yang diharap menjadi seorang pelindung bertindak sebaliknya sehingga terjadinya kes keganasan rumah tangga memaksa mangsa mendapatkan Perintah Perlindungan Sementara (IPO) dari Mahkamah melalui peruntukan mengikut Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) untuk mendapat perlindungan.

Agama Islam melarang sama